

Jangan jadikan tribunal isu politik

— Anwar

LONDON 15 Jun — Tribunal yang akan mendengar kes Ketua Hakim Negara Tun Salleh Abas tidak harus lagi dijadikan bahan pertikaian atau isu politik, kata Menteri Pendidikan Encik Anwar Ibrahim semalam.

Kini perkara itu hendaklah diserahkan kepada kebijaksanaan ahli-ahli tribunal kata beliau dalam satu temuramah dengan perkhidmatan Melayu BBC (Perbadanan Penyiaran British) yang disiarkan pada jam 9.30 malam tadi.

Encik Anwar berkata sejajar dengan syarat dalam perlembagaan negara, sebuah tribunal terdiri daripada hakim-hakim ditubuhkan untuk membuat kepastian sama ada tuduhan ke atas seseorang hakim atau ketua hakim benar atau tidak.

Beliau percaya perkara itu hendaklah diserahkan kepada kebijaksanaan ahli-ahli tribunal itu untuk menimbang bukti, mendengar hujah dan membuat keputusan. Perkaranya itu jelasnya adalah diluar kuasa para menteri atau kerajaan dan akan diputuskan oleh tribunal itu dengan fikiran yang bebas.

"Perkara itu tidak harus lagi menjadi bahan pertikaian atau isu politik. Jika tuduhan terhadap Tun Salleh didapati tidak berasas, maka pengantungan jawatan Ketua Hakim Negara itu akan ditarik balik," katanya. "Sebaliknya, jika tuduhan itu didapati benar, perkara itu akan dirujuk kepada Yang di-Pertuan Agong untuk dipertimbangkan," kata Encik Anwar.

Temuramah itu dirakamkan di London Sabtu lalu. Di London, Encik Anwar juga mengadakan pertemuan-pertemuan dengan pelajar-pelajar dan pertubuhan-pertubuhan mereka. — Bernama.